



UHMS 1182-29 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN BERKUMPULAN

TAJUK: ETIKA PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK
1. AHMAD MUHAIMIN BIN AHMAD HAMBALI	A20EC0006
2. GOO YE JUI	A20EC0191
3. LEE JIA XIAN	A20EC0200
4. NUR SYAMALIA FAIQAH BINTI MOHD KAMAL	A20EC0118
5. SAKINAH AL'IZZAH BINTI MOHD ASRI	A20EC0142

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMAKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
PENGENALAN	/5
ISI KANDUNGAN	/15
KESIMPULAN	/5
RUJUKAN	/5
JUMLAH	/30

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
1.0 PENGENALAN	1-2
2.0 OBJEKTIF KAJIAN	3
3.0 PERSOALAN KAJIAN	3
4.0 KEPENTINGAN KAJIAN	4
5.0 KAJIAN LEPAS	5-6
6.0 METODOLOGI KAJIAN	7-8
7.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	9-40
8.0 KESIMPULAN	41
9.0 RUJUKAN	42-43
LAMPIRAN	44

1.0 PENGENALAN

Pembelajaran secara atas talian atau dikenali sebagai E-pembelajaran bermaksud reka bentuk kurikulum dan bahan pembelajaran yang dimasukkan ke dalam rangkaian komputer sama ada LAN,WAN atau internet yang boleh diakses oleh pelajar secara sinkronous atau asinkronous untuk membantu pengajaran konvensional (Yusup Hashim,1997). Pembelajaran secara atas talian di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan telah digunakan sepenuhnya di Malaysia bermula pada 16 Mei 2020. Hal ini disebabkan oleh kenaikan kes pandemik Covid-19 menyebabkan penutupan institusi pendidikan tinggi dan sekolah. Malahan , memberi kesan kepada struktur Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui kaedah secara langsung kepada secara atas talian sepenuhnya. pembelajaran secara atas talian melibatkan interaksi antara pelajar dan pendidik ketika menuntut ilmu. Justeru itu, adanya etika pembelajaran secara atas talian. Menurut dewan bahasa dan pustaka, etika bermaksud prinsipal moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia. Prinsip-prinsip etika mestilah adil dalam erti lain semua pihak harus menerima prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Hal ini bagi mengelakkan percanggahan apabila berlakunya perbezaan kepentingan individu dan dapat menyelesaikan konflik kepentingan setiap individu yang berbeza. Oleh itu , prinsip-prinsip moral yang telah ditetapkan mestilah diikut agar kesejahteraan setiap ahli masyarakat dapat dijaga.

Selari dengan norma baharu yang dipraktikkan sepenuhnya oleh semua pelajar institusi pendidikan di Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional lain telah mengeluarkan garis panduan agar Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dapat dijalankan dengan lebih fleksibel dan lancar. Walaubagaimanapun, cabaran yang sukar ketika pembelajaran atas talian adalah etika dan plagiat. Setiap institusi pendidikan tinggi (IPT) perlu memastikan bahan pembelajaran dan pengajaran (PdP) dan penggunaan media seperti grafik dan video tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak. Selain itu, isu plagiat ketika peperiksaan akhir dan penilaian secara berterusan dalam talian perlu dikawal dengan baik melalui garis panduan yang jelas. Pada hari selasa bersamaan dengan 24 November 2020, Perbadanan Penyiaran Kanada (CBC) telah mengeluarkan kenyataan bahawa lebih daripada 100 orang pelajar matematik tahun 1 di “*University of British Columbia*” telah tertuduh menipu ketika ujian pertengahan semester dijalankan beberapa hari lalu. Kes ini berleluasa dalam talian selepas satu nota daripada seorang profesor kepada pelajarnya pada Isnin lalu tersebar. Menurut

profesor tersebut pelajar yang telah disahkan menipu ketika ujian pertengahan semester akan diberikan 0% markah untuk kursus matematik dan beliau mengesyorkan agar pelajar ini dibuang dari universiti. Matthew Ramsey, pengarah hal ehwal universiti,mengesahkan pihak universiti sedang menyiasat dakwaan tersebut dan mungkin pelajar-pelajar itu ditangkap melalui alat pemantauan ujian atas talian. Hukuman yang akan diberikan oleh pihak universiti kepada pelajar yang menipu dalam peperiksaan bermula dari amaran rasmi sehingga dibuang dari universiti.

Kajian ini dikhurasukan kepada golongan pelajar kerana pelajar kurang didedahkan dengan etika pembelajaran secara atas talian berikutan kaedah Pembelajaran dan Pengajaran secara langsung yang digunakan sepenuhnya sebelum berlakunya pandemik Covid-19 .Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti masalah etika pelajar yang sering dilakukan ketika pembelajaran atas talian. Kajian ini bertujuan untuk membuat kaji selidik terhadap pelajar berkenaan punca dan kesedaran mengenai etika pembelajaran secara atas talian yang patut diamalkan. Justeru itu, pihak sekolah dan institusi pendidikan mengetahui dan memahami faktor-faktor berlakunya masalah etika ketika pembelajaran atas talian. Dengan ini, pelajar dapat mengamalkan etika pembelajaran atas talian mengikut garis panduan yang ditetapkan dengan sewajarnya .

Penulisan ini mempunyai beberapa pembahagian subtopik iaitu objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi kajian, dapatan kajian dan perbincangan, kesimpulan, rujukan dan lampiran. Seterusnya, subtopik di dalam metodologi kajian ialah kajian soal selidik, borang soal selidik dan prosedur kajian. Manakala, subtopik di dalam kajian dan perbincangan ialah demografi responden, masalah etika pelajar, faktor masalah etika pelajar, kesedaran tentang etika yang sepatutnya diamalkan oleh pelajar dan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan kesedaran pelajar. Akhir sekali, semua penulisan bab-bab dan subtopik diuraikan dan dibincangkan mengikut tajuk yang dipilih iaitu etika pembelajaran atas talian.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah :

- 1) Mengenal pasti masalah etika pelajar ketika pembelajaran atas talian.
- 2) Menganalisis faktor yang membawa kepada masalah etika pelajar ketika pembelajaran atas talian.
- 3) Menganalisis kesedaran pelajar tentang etika yang sepatutnya diamalkan ketika pembelajaran atas talian.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah masalah etika yang dilakukan oleh pelajar ketika pembelajaran atas talian?
- 2) Apakah faktor mengakibatkan berlakunya masalah etika pelajar ketika pembelajaran atas talian?
- 3) Bagaimanakah kesedaran pelajar tentang etika yang sepatutnya diamalkan ketika pembelajaran atas talian?

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Pandemik COVID-19 telah menjelaskan sistem pembelajaran di negara kita. Kaedah pembelajaran telah berubah daripada pembelajaran secara langsung kepada pembelajaran atas talian. Oleh itu, kajian ini penting untuk memastikan masalah-masalah etika pelajar ketika pembelajaran atas talian. Dengan kajian ini, kita dapat memperoleh dan menyenaraikan maklumat tentang sebarang masalah etika yang telah berlaku antara pelajar ketika pembelajaran atas talian. Maklumat tersebut penting untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dalam penyelidikan.

Selain itu, kajian ini juga boleh membantu pihak sekolah atau universiti untuk memahami faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya masalah etika pelajar ketika pembelajaran atas talian. Oleh yang sedemikian, universiti boleh menangani masalah etika pelajar dengan lebih berkesan dan efektif. Universiti boleh merancang dan mengambil tindakan yang munasabah terhadap pelajar yang melakukan masalah etika ketika pembelajaran atas talian.

Masalah etika pembelajaran atas talian telah menjelaskan pengajaran dan pembelajaran kerana pelajar menunjukkan sikap dan tindakan yang tidak sewajarnya telah mempengaruhi kemajuan pembelajaran. Ini akan menjelaskan keupayaan pelajar untuk menguasai kemahiran pada masa depan. Jadi, kajian ini amat penting untuk menyelesaikan masalah etika pelajar ketika pembelajaran atas talian.

5.0 KAJIAN LEPAS

Menurut satu kajian yang telah dijalankan oleh Toprak dan ahli kumpulannya melalui sebuah jurnal bertajuk *Turkish Online Journal of Educational Technology*, seramai 231 orang pelajar dan majoriti guru yang menyertai sebuah program bahasa bersetuju bahawa penerangan jelas terhadap peraturan, masalah tingkah laku dan tanggungjawab pelajar seperti peperiksaan, penilaian dan amalan dalam kursus dalam talian perlu diberikan keutamaan. Rata-rata pelajar serta guru bersetuju bahawa masalah etika yang sering dilanggar pelajar adalah aktiviti plagiat ketika melakukan tugas.

Tambahan pula, 47.8 peratus guru menyokong idea bahawa aktiviti plagiat yang dilakukan oleh pelajar harus dihukum dengan memberikan gred gagal dalam kursus yang diambil. Namun, dilaporkan bahawa hanya 29.6 peratus pelajar yang berfikiran sedemikian manakala 38.4 peratus pelajar lebih rela untuk diberikan penilaian gagal pada subjek yang tertentu sahaja sebagai tindakan tatatertib. Kedua-dua belah pihak pula bersepakat bahawa hukuman pelucutan status pelajar daripada pihak institusi merupakan pilihan yang tidak digemari. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa terdapat beberapa solusi lain boleh dijalankan dan penalti ini dianggap sangat berat kerana meninggalkan kesan yang dalam kepada pelajar.

Seterusnya, di dalam satu kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), didapati hanya 46.2 peratus institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mempunyai garis panduan mengenai kualiti berkaitan e-Pembelajaran. Sehubungan itu, pelajar-pelajar berdepan dengan pelbagai cabaran yang menjadi faktor berlakunya masalah etika ketika sesi pembelajaran secara atas talian. Antaranya, sebanyak 53.4 peratus pelajar menghadapi kesukaran mengakses maklumat, 42.8 peratus pelajar mengadu mereka perlu menunggu maklum balas yang lama daripada pensyarah, diikuti dengan 32.7 peratus kekurangan isi kandungan pembelajaran, 31.3 peratus kandungan subjek yang kurang menarik pembelajaran serta 4.7 peratus masalah technofobia.

Selain itu, satu kajian yang dijalankan di sebuah institut pengajian tinggi swasta (IPTS) melalui sebuah jurnal bertajuk *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, penyelidikan bertujuan bagi menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penggunaan e-pembelajaran. Terdapat dua faktor yang didapati mempengaruhi hasil kajian iaitu faktor dalaman dan faktor

luaran pelajar. Kajian mendapati bahawa faktor dalaman pelajar iaitu sifat semulajadi pelajar mampu memberikan kesan yang lebih besar terhadap keberkesanan dalam aktiviti pembelajaran secara atas talian berbanding faktor luaran yang lebih tertumpu dengan suasana persekitaran semasa keberadaan di asrama, rumah dan tempat-tempat lain. Hal ini kerana psikologi dan mental individu yang positif akan menghayati setiap saat ilmu yang diperolehi tanpa disia-siakan. Justeru itu, tiada permasalahan etika atau moral wujud daripada sikap amanah dan disiplin pelajar yang tinggi.

Daripada beberapa dapatan kajian lepas, kita dapat merumuskan bahawa setiap institusi-institusi tinggi sama ada awam mahupun swasta amat menitikberatkan perilaku dan perbuatan pelajar-pelajar bagi mencapai keberkesanan pelaksanaan pembelajaran secara atas talian yang optimum. Pelbagai inisiatif, kajian serta punca kepada masalah etika pelajar masih dijalankan hingga ke hari ini bagi mewujudkan graduan yang bijaksana dan berakhhlak mulia.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan kaedah yang paling sesuai supaya membuktikan kajian yang dijalankan mempunyai kajian saintifik. Metodologi kajian adalah untuk membuktikan pengumpulan dan analisis data bagi kajian ini. Oleh itu, kajian yang dirangka ini adalah kajian kuantitatif yang melibatkan profil demografi asas sampel kajian, reka bentuk kajian dan prosedur kajian.

Pembelajaran online mula digunakan seiring dengan perkembangan internet. Istilah pembelajaran online sering dikaitkan dengan istilah-istilah seperti e-pembelajaran (e-learning), pembelajaran jarak jauh (PJJ) dan sebagainya. Disebabkan pandemik Covid-19 ini, kebanyakan sekolah dan institusi tinggi telah menjalankan kaedah e-pembelajaran. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengkaji etika murid ketika pembelajaran atas talian.

Sehubungan ini, kaedah kajian ini adalah kajian kuantitatif. Soal selidik dilakukan untuk pengumpulan data adalah salah satu pendekatan kuantitatif yang dijalankan dalam kajian ini. Sampel kajian ini melibatkan pelajar-pelajar yang melakukan pembelajaran atas talian di Malaysia. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis diskriptif melibatkan jadual, carta pai dan graf bar.

6.1 KAJIAN SOAL SELIDIK

Kajian ini dijalankan dengan sampel responden sebanyak 100 orang pelajar di Malaysia bermula dari 20 November 2020 sehingga 23 November 2020. Borang soal selidik ini disediakan secara atas talian di laman sesawang “Google Form”. Borang disebarluaskan melalui aplikasi media sosial seperti Whatsapp, Telegram dan Facebook. Borang secara atas talian memudahkan proses penyebaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

6.2 BORANG SOAL SELIDIK

Borang soal selidik atas talian merangkumi empat bahagian seperti berikut:

1. Bahagian A, responden perlu mengisi maklumat mengenai jantina, umur, dan peringkat pengajian.
2. Bahagian B, responden diminta menjawab masalah etika yang dilakukan oleh pelajar
3. Bahagian C, responden diminta menjawab situasi yang mendorong pelajar supaya melakukan tindakan yang tidak beretika.
4. Bahagian D, responden diminta menjawab kesedaran tentang etika yang sepatutnya diamalkan oleh pelajar.

6.3 PROSEDUR KAJIAN

Semua soalan dalam soal selidik ini disesuaikan dengan skala Likert 5 mata, antara (1) Sangat tidak bersetuju, (2) Tidak bersetuju, (3) Neutral, (4) Bersetuju, (5) Sangat bersetuju. Responden diminta memberikan jawapan mengikut kategori soalan yang diberikan mengikut skala likert 5 mata ini.


7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Pandemik Covid-19 telah menjelaskan beberapa sektor utama didalam sesebuah negara seperti sektor kesihatan, sektor pelancongan, sektor pendidikan dan lain lain. Perdana Menteri Malaysia Muhyiddin Yassin mengisyiharkan Malaysia akan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan untuk pertama kali berkuat kuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan Covid-19. Oleh yang demikian, pelajar di institusi-institusi telah diarahkan pulang ke rumah pada 27 April 2020 oleh Kementerian Pelajaran Tinggi di dalam satu kenyataan media “*Pelajar-pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti bakal memulakan pergerakan pulang ke kampung halaman masing-masing secara berperingkat-peringkat mulai Isnin, 27 April 2020 **KECUALI dari zon merah dan kuning. Pelajar yang berada dalam zon hijau sahaja yang dibenarkan pulang ke rumah masing-masing yang juga terletak dalam zon hijau***”.(NORAINI, 2020)

Pihak institusi-institusi pengajian di Malaysia telah mengambil inisiatif untuk meneruskan pembelajaran para pelajar secara maya iaitu pembelajaran atas talian. Sejurus dengan tindakan tersebut, terdapat beberapa cabaran berkaitan masalah etika pelajar yang perlu dihadapi oleh para pendidik dan pelajar itu sendiri. Data yang telah diperoleh melalui medium “Google Forms” diproses bagi mendapatkan statistik dan membuat kesimpulan berkaitan masalah etika di kalangan pelajar semasa proses pembelajaran atas talian.

7.1 DEMOGRAFI RESPONDEN


“Google forms” hanya menerima responden sebanyak 100 orang terawal. Data 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar telah direkod bagi membuat analisis. Huraian analisis demografi responden merangkumi aspek jantina, umur, dan peringkat pengajian.



Rajah 1 : Carta Demografi Responden Mengikut Jantina

Rajah 1 di atas menunjukkan demografi responden ke atas pelajar berdasarkan 2 kategori jantina. Seramai 50 responden (50%) itu jantina lelaki manakala 50 responden (50%) itu jantina perempuan.

Bilangan responden dalam soal selidik ini adalah sama antara jantina lelaki dan perempuan. Bilangan jantina yang seimbang ini membolehkan data yang diperoleh adalah tidak berat sebelah terhadap satu jantina sahaja.




Rajah 2 : Carta Demografi Responden Mengikut Umur

Rajah 2 di atas menunjukkan demografi responden ke atas pelajar berdasarkan lima kategori umur yang berbeza. Daripada jumlah 100 orang responden, seramai 74 responden yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 25 tahun (74.0%) yang terlibat, diikuti pula dengan 10 orang responden yang berumur 18 tahun ke bawah (10.0%). Kemudian, ia disusuli dengan 9 orang responden yang berumur lingkungan 26 hingga 30 tahun (9.0%) manakala seramai 4 orang berusia 30 hingga 40 tahun (4.0%). Akhir sekali, bagi lingkungan 41 tahun ke atas hanya 3 orang sahaja yang menjawab (3.0%).

Majoriti daripada responden yang menjawab soal selidik adalah mereka yang berusia dalam lingkungan 19 hingga 25 tahun. Manakala, kategori umur 41 tahun ke atas adalah golongan minoriti.


PERINGKAT PENGAJIAN



Rajah 3: Peringkat pengajian responden

Rajah 3 di atas menunjukkan jumlah responden mengikut peringkat pengajian mereka, didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 51 orang (51%) pada peringkat Sarjana Muda. Manakala, minoriti responden adalah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah iaitu seramai 10 orang (10%). 12 orang responden (12%) adalah pada peringkat Sarjana & Doktor falsafah dan seramai 27 orang (27%) adalah pada peringkat STPM , Matrikulasi atau setara. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, jumlah kemasukan, enrolmen dan keluaran mengikut peringkat pengajian di IPTA bagi tahun 2019, statistik menunjukkan jumlah bilangan pelajar tertinggi adalah pada peringkat Sarjana Muda iaitu seramai 99,831 orang kemasukan baru, 350,102 orang enrolmen dan 78,485 orang keluaran (KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, 2020). Bilangan pelajar pada peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana di universiti awam adalah 27,395 orang kemasukan, 93,318 orang enrolmen dan 19,006 orang keluaran. Akhir sekali, bilangan pelajar Asasi/Matrikulasi adalah paling rendah iaitu 12,641 orang kemasukan dan 13,024 enrolmen. Oleh itu, pelajar pada peringkat Sarjana Muda adalah bilangan tertinggi dalam menghadapi pembelajaran atas talian.


7.2 Masalah Etika pelajar



Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4 di atas, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 41 orang (41%) memilih “setuju”, 18 orang responden (18%) memilih “sangat setuju” dan 22 orang (22%) memilih “kurang pasti”. Manakala, seramai 7 orang responden (7%) “memilih sangat tidak setuju” dan 12 orang (12%) memilih “tidak setuju”. Secara kasarnya 59% responden bersetuju bahawa berbincang bersama kawan ketika peperiksaan atas talian dijalankan merupakan salah satu masalah etika pelajar ketika proses pembelajaran atas talian. Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan pelajar untuk berbincang bersama kawan ketika peperiksaan atas talian seperti menggunakan medium “Discord” dan lain-lain. Penggunaan Aplikasi tersebut membenarkan pelajar-pelajar yang tidak bermoral untuk berbincang secara langsung antara satu sama lain. Aplikasi tersebut mempunyai ciri khas yang membenarkan beberapa pelajar bercakap dalam jumlah yang ramai (10 orang dan lebih) menyebabkan para pelajar tertarik dan menyalahgunakan aplikasi tersebut untuk menipu dalam peperiksaan atas talian. Selain itu juga, penggunaan sosial media seperti “Whatapps”, “Telegram” dan lain-lain juga dapat memudahkan para pelajar untuk bertukar-tukar jawapan sesama mereka dengan cara berkongsi gambar jawapan


mereka di medium tersebut. Di zaman moden ini, evolusi teknologi yang membenarkan hubungan jarak jauh dihujung jari setiap individu telah membuka ruang kepada para pelajar yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk menyalahgunakannya.



Rajah 5

Rajah 5 di atas menunjukkan hasil kajian terhadap masalah tidak memberikan tumpuan sepenuhnya ketika guru mengajar. Hasil kajian tersebut mendapat majoriti seramai 51 orang responden (51%) yang memilih “setuju”, 22 orang responden (22%) memilih “sangat setuju” dan 10 orang responden memilih “kurang pasti”. Manakala, terdapat seramai 12 orang responden (12%) yang memilih “Tidak setuju” dan hanya 5 orang responden (5%) yang memilih “sangat tidak setuju”. Secara kesimpulan, terdapat 73% responden yang bersetuju bahawa tidak memberikan tumpuan sepenuhnya ketika pendidik mengajar merupakan masalah etika yang selalu dilakukan oleh pelajar ketika pembelajaran atas talian. Ketika pembelajaran atas talian pelajar tidak menumpukan perhatian dalam kelas sebaliknya sedang melakukan perkara lain. Sebelum ini, pelajar adalah belajar besama-sama di dalam kelas tetapi akibat COVID-19 pelajar perlu belajar secara talian di rumah sendiri masing-masing. Jadi, tidak mempunyai suasana pembelajaran yang menarik dan harmoni akan menyebabkan pelajar susah untuk berfokus dalam


kelas. Bukan itu sahaja, kerana kebosanan pelajar juga akan melakukan perkara yang lain seperti melayari Internet, bermain permainan video dan lain-lain. Oleh itu, ketika pembelajaran atas talian pelajar bukan sahaja tidak memperolehi ilmu tetapi juga sering membuang masa. Ini akan menyebabkan kemajuan pembelajaran pelajar terjejas dengan teruk.



Rajah 6

Statistik di atas berdasarkan pandangan responden berkaitan masalah pelajar ketika pembelajaran atas talian. Seramai 47 orang responden (47%) memilih “Setuju” dan seramai 14 orang (14%) yang memilih “Sangat setuju”. Bagaimanapun, 15 orang responden (15%) memilih “Tidak setuju” dan 8 orang (8%) memilih “Sangat tidak setuju”. Baki responden memilih “Kurang pasti” iaitu seramai 16 orang (16%). Berdasarkan analisis di atas sejumlah 61 orang responden (61%) setuju bahawa kumpulan tidak memberikan komitmen ketika melakukan tugasan berkumpulan menjadi satu masalah etika yang dihadapi ketika pembelajaran atas talian. Masalah etika tersebut tidak asing lagi di kalangan pelajar kerana ianya sering berlaku sama ada pembelajaran atas talian ataupun tidak, tetapi peningkatan bilangan pelajar yang tidak memberikan komitmen ketika pembelajaran atas talian lebih tinggi berbanding pembelajaran biasa. Ketika

pembelajaran atas talian, pelajar mempunyai tanggapan bahawa perkara tersebut tidak penting. Tanggapan tersebut menyebabkan para pelajar yang tidak bermoral cenderung untuk mengabaikan tugas yang diberikan oleh pendidik dan kemudian membebankan ahli kumpulan lain. Masalah tersebut sering berlaku di dalam kumpulan apabila ahli tidak mengenali satu sama lain. Para pelajar akan lebih mudah untuk berputus asa dan tidak bersemangat untuk melakukan satu tugas apabila tidak dapat berkomunikasi antara satu sama lain menyebabkan penangguhan dan pengabaian kerja. Sifat tersebut tidak sewajarnya wujud di dalam diri pelajar kerana sifat tersebut menunjukkan ketidak profesionalan seseorang individu dalam menyesuaikan diri dalam sesuatu situasi. Sifat tersebut akan mengakibatkan pelajar tersebut akan menghadapi kesukaran di alam pekerjaannya di masa akan datang.




Rajah 7

Rajah 7 menunjukkan kajian mengenai salah satu masalah etika pelajar iaitu tidak hadir ke dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) tanpa alasan yang munasabah. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa seramai 46 orang responden (48%) memilih “Setuju” dan 15 orang responden (15%) memilih “Sangat setuju”. Oleh sebab itu, seramai 63 orang (63%) berpandangan bahawa ketidak hadiran pelajar di dalam sesi pengajian adalah satu masalah etika yang sering berlaku ketika pembelajaran atas talian. Masalah etika tersebut meningkat dikalagan pelajar

semasa sesi pembelajaran atas talian disebabkan oleh pendidik tidak dapat memantau atau mengawal aktiviti pelajar-pelajar mereka. Masalah ini boleh berlaku dalam beberapa situasi seperti pelajar hadir dan menyertai sesi PdP hanya untuk mengambil kehadiran lalu meninggalkan medium pengajian tersebut dengan melakukan aktiviti lain seperti bermain permainan video , tidur dan lain-lain. Secara tidak langsung, perbuatan tersebut akan mengakibatkan pelajar yang tidak bermoral tersebut ketinggalan dalam pembelajaran mereka. Perbuatan tersebut juga akan menurunkan kualiti individu mahasiswa tersebut lantas mencalarkan imej institusi pengajian mereka. Masalah etika ini tidak dapat dikurangkan dengan cara meminta respon pelajar semasa pengajian dijalankan atau mewajibkan setiap pelajar membuka kamera mereka supaya pendidik dapat memantau aktiviti sebahagian pelajar.

Kemudian, seramai 8 orang (8%) memilih “Tidak setuju” dan 8 orang (8%) memilih “Sangat tidak setuju” manakala seramai 23 orang (23%) neutral dengan memilih “Kurang pasti”. Responden yang tidak setuju bahawa tidak hadir ke dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) tanpa alasan yang munasabah berkemungkinan tidak berhadapan bersama rakan-rakan melakukan perbuatan tersebut. Bagaimanapun hanya seramai 16 orang responden (16%) yang tidak setuju tentang kenyataan tersebut menjadikan mereka sebagai minoriti dalam perbincangan ini.




Rajah 8

Hasil daripada dapatan kajian di atas menunjukkan sebilangan besar besar responden iaitu seramai 45 orang (45%) memilih “Setuju” dan seramai 21 orang (21%) memilih “Sangat setuju” tentang masalah etika pelajar di atas. Akses tanpa had para pelajar menggunakan internet membenarkan pelajar untuk mencari jawapan ketika menjawab ujian di medium seperti “Google”. Medium tersebut dapat memendekkan masa pelajar untuk menjawab soalan ujian kerana “Google” mempunyai ciri khas yang membenarkan pengguna dapat mengakses perkara yang mereka cari dalam masa yang singkat. Ciri khas tersebut adalah “Google search engine”, “Google search engine” akan mengambil kira sebanyak 200 faktor berkaitan perkara yang dicari sebelum memberikan keputusan terbaik kepada pengguna dalam masa yang sangat singkat iaitu hanya 0.125 saat. Selain itu, antara fakta menarik tentang “Google search engine” adalah sebanyak 2.3 juta carian di “Google” dalam hanya 1 minit, dan lebih daripada 100,000,000,000 carian pada setiap bulan (Budhai, 2020). Dengan menggunakan medium tersebut, para pelajar dapat mencari jawapan pada sumber yang dipercayai dengan muda.

Bagaimanapun, terdapat beberapa cara untuk mengatasi masalah ini seperti pendidik perlulah memberikan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam jumlah yang banyak. Selain itu, meletakkan masa untuk setiap soalan juga akan mengakibatkan pelajar tidak mempunyai masa yang cukup untuk mencari jawapan di internet. Akhir sekali, sesebuah institusi pengajian boleh mengimplementasi perisian “Respondus LockDown Browser”. Perisian tersebut bertindak untuk merakam aktiviti pelajar ketika peperiksaan online dan akan dapat mengesan tindakan pelajar yang menjerumus kepada penipuan. Perisian tersebut juga dapat mengesan aktiviti pergerakan mata seperti mengalihkan pandangan daripada skrin dan lain-lain (INDIANA UNIVERSITY, 2020)

Seterusnya, seramai 18 orang responden (18%) memilih “Kurang pasti”, manakala seramai 16 orang responden tidak bersetuju iaitu 11 orang memilih “Tidak setuju” dan 5 orang memilih “Sangat tidak setuju”.




Rajah 9

Di dalam rajah 9, seramai 29 responden daripada jumlah keseluruhan bersetuju (29%) bahawa meminta orang lain menduduki peperiksaan atas talian dengan Memberikan kata laluan merupakan satu kesalahan. Kemudian, ia disusuli pula dengan mereka yang kurang pasti (22%), sangat setuju dengan permasalahan ini (19%) dan golongan yang tidak setuju (17%). Manakala, minoriti dalam kategori ini Iaitu 13 orang berpendapat sangat tidak setuju (13%). Ini terbukti bahawa rata-rata pelajar menganggap isu ini sebagai satu kesalahan dan masalah etika yang berlaku ketika sesi pembelajaran secara atas talian.

Tambahan pula, permasalahan ini sebenarnya wajar diberikan perhatian teliti kerana sukar untuk melakukan pemantauan ketika peperiksaan dijalankan. Hal ini kerana pemeriksa tidak dapat mengenalpasti sama ada setiap individu yang menduduki ujian atau peperiksaan adalah orang yang sama seperti nama tertera di dalam slip yang didaftarkan. Namun, ia bukan mustahil untuk dibendung dengan cara membuka kamera di komputer riba atau telefon pintar melalui aplikasi seperti webex untuk melihat wajah setiap pelajar secara siaran langsung. Penyelesaian ini membolehkan para pemeriksa yang bertugas memerhati pelajar-pelajar dengan efektif.

MENGGUNAKAN BAHASA YANG TIDAK BAIK KETIKA PERBINCANGAN KUMPULAN



Rajah 10

Rajah 10 memperincikan dapatan kajian mengenai isu menggunakan bahasa yang tidak baik ketika perbincangan kumpulan. Seramai 27 orang responden bersetuju dan 22 orang yang sangat bersetuju dengan isu dinyatakan. Menggunakan pertuturan dan perkataan yang baik mampu mewujudkan perdamaian dan merapatkan hubungan silaturahim di kalangan rakan-rakan. Akan tetapi, 21 peratus daripada jumlah keseluruhan iaitu 100 orang tidak bersetuju kerana tidak memberikan sebarang kesan terhadap diri mereka. Golongan ini juga berpendapat bercakap dan menaip sebarang perkataan dengan menggunakan bahasa kurang sopan sebagai satu kebiasaan normal yang sering dilakukan di dalam masyarakat. Perspektif ini perlu dijauhi agar tidak menyakiti ahli kumpulan kita. Ahli-ahli kumpulan kita terdiri daripada individu yang berbeza, lalu mereka mempunyai hati dan perasaan yang berlainan. Seterusnya, segelintir 19 peratus orang yang tidak pasti tentang isu ini. Akhir sekali, hanya 11 peratus orang yang sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.




Rajah 11

Rajah 11 di atas merupakan data daripada pandangan responden tentang masalah plagiat hasil kerja orang lain di kalangan pelajar. Definisi plagiarisme berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka(ed.4) ”perbuatan menceduk kata-kata, idea dan lain-lain daripada karya orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri. Perkara tersebut telah menjadi norma bagi pelajar yang tidak bertanggungjawab demi mendapatkan gred yang baik dalam subjek tersebut. Seramai 33 orang responden (33%) memilih “Setuju” dan 26 orang (26%) memilih “Sangat setuju” bahawa masalah etika tersebut berlaku di kalangan pelajar. Plagiat hasil kerja orang boleh berlaku sama ada di dalam pembelajaran atas talian ataupun pembelajaran biasa tetapi plagiat hasil kerja semasa pembelajaran secara atas talian lebih kritikal apabila para pelajar plagiat jawapan pelajar lain ketika peperiksaan. Sebahagian pelajar dapat menyiapkan tugas yang diberikan pendidik seperti esei dan tugas-tugas lain dengan cara mengubah hasil kerja kawan-kawan mereka menerusi aplikasi seperti “Spinbot”. Aplikasi tersebut akan mengubah perkataan-perkataan daripada satu sumber bagi mengelakkan para pendidik menyedari mereka melakukan plagiat. Kegiatan seperti ini tidak asing lagi di kalangan pelajar dan pendidik, lebih-lebih lagi dalam proses pembelajaran atas talian. Kegiatan plagiat semakin meningkat mengikut tahun. Merujuk satu hasil kajian bahawa pada tahun 2014 purata pelajar yang tidak pernah melakukan kegiatan plagiat

adalah 45% dan baki 55% pernah melakukan kegiatan tersebut sama ada sekali, beberapa kali ataupun banyak kali. Jumlah tersebut meningkat pada tahun 2015 iaitu purata pelajar yang tidak pernah melakukan plagiat adalah 37% manakala pelajar yang melakukan kegiatan tersebut meningkat kepada 63%. Kenaikan sebanyak 8% telah membuktikan bahawa kegiatan plagiat meningkat mengikut tahun. Antara faktor kegiatan plagiat meningkat adalah kepesatan perkembangan teknologi pada zaman ini.

Seterusnya seramai 12 orang responden (12%) memilih “Tidak setuju” dan seramai 11 orang responden memilih “Sangat tidak setuju” tentang masalah etika tersebut. Akhir sekali, seramai 18 orang memilih “Kurang pasti” untuk kenyataan tersebut.


7.3 Faktor kepada masalah etika dikalangan pelajar



Rajah 12

Penerimaan tugasan yang terlalu banyak dalam masa yang serentak menjadi faktor berkaitan masalah etika di kalangan pelajar. Seramai 40 orang responden (40%) memilih “Setuju” dan 29 orang responden (29%) memilih “Sangat setuju”. Oleh itu, majoriti responden (69%) bersetuju bahawa penerimaan tugasan yang terlalu banyak dapat mendorong kepada masalah etika di kalangan para pelajar. Baki 31% responden memilih untuk menjadi neutral atau tidak bersetuju iaitu seramai 7 orang responden (7%) memilih “Tidak setuju” dan 7 orang (7%) memilih “Sangat tidak setuju”, manakala seramai 17 orang memilih “Kurang pasti”. Institusi pengajian perlu mengambil kira bahawa para pelajar sedang menjalani pembelajaran atas talian yang menyebabkan akses masa pelajar dengan pendidik menjadi terhad. Hal ini menyebabkan progres tugasan pelajar menjadi perlahan dan memaksa para pelajar untuk melakukan masalah etika seperti plagiat dan lain-lain. Tambahan pula, tugasan yang terlalu banyak juga akan membuatkan pelajar menghadapi masalah mental seperti stress dan lain-lain. Bunuh diri merupakan penyebab kedua kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 800,000 orang mati setiap tahun akibat bunuh diri. Di Malaysia prevalen idea


bunuh diri adalah meningkat daripada 7.9% pada tahun 2012 kepada 10% pada tahun 2017 di kalangan remaja disebabkan beberapa faktor seperti gagal dalam pelajaran dan lain-lain (Hisham, 2019). Selain itu, sejumlah 14 orang responden (14%) tidak bersetuju iaitu seramai 7 orang memilih “Tidak setuju” dan seramai 7 orang memilih “Sangat tidak setuju”. Berbaki 17 orang responden (17%) memilih “Kurang pasti”.



Rajah 13

Berdasarkan analisis daripada responden, dapat disimpulkan bahawa seramai 69 orang responden (69%) setuju bahawa tidak cukup masa untuk membuat persediaan semasa proses pembelajaran atas talian menjadi salah satu faktor yang mendorong para pelajar untuk terlibat dengan masalah etika. Seramai 47 orang responden (47%) memilih “Setuju” dan 22 orang (22%) memilih “Sangat setuju” menjadikan lebih daripada lebih daripada 3/5 responden bersetuju dengan faktor tersebut. Masalah tidak cukup masa untuk membuat persediaan boleh berlaku dalam beberapa keadaan seperti pelajar tidak dapat sempat untuk membuat ulang kaji sebelum memulakan kelas menyebabkan mereka akan ketinggalan semasa pendidik mengajar. Selain itu, masa yang tidak mencukupi untuk membuat persediaan boleh terjadi disebabkan sibuk melakukan kerja sambilan di tempat masing-masing. Di dalam satu kajian yang telah dilakukan, didapati


bahawa 16 peratus pelajar pada peringkat asasi dan 51.1 peratus pelajar pada peringkat Ijazah Sarjana Muda melakukan sambilan. Terdapat beberapa faktor yang mendorong para pelajar untuk melakukan kerja sambilan, antara faktor utama adalah ekonomi keluarga yang tidak stabil memaksa pelajar untuk melakukan kerja sambilan bagi menampung keluarga mereka. Pada musim pandemik ini, banyak keluarga yang kehilangan sumber pendapatan mereka akibat dibuang kerja menjadi faktor pelajar terpaksa melakukan kerja sambilan di waktu malam seperti melakukan servis penghantaran makanan “*Food Panda*” dan lain-lain.



Rajah 14

Rajah 14 menunjukkan kajian mengenai pengaruh rakan sebaya sebagai faktor masalah etika kepada responden. Hasil kajian mendapati seramai 27 responden (27%) sangat bersetuju, 41 responden (41%) setuju, 20 responden (20%) kurang pasti, 11 responden (11%) tidak setuju dan 1 responden (1%) sangat tidak setuju kepada faktor pengaruh rakan sebaya. Majoriti responden (68%) setuju bahawa pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan masalah etika pembelajaran secara atas talian. Kebanyakan responden dalam kajian ini dari golongan belia, iaitu dari umur 19 hingga 25 (73%). Golongan belia hanya bergaul bersama rakan sebaya ketika di sekolah, umumnya mereka menghabiskan lebih banyak masa bersama rakan sebaya. Dalam tinjauan literatur mereka


(Hamzah, Siti Raba'ah, 2013), pengaruh rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku dalam kalangan belia. Remaja yang kurang keyakinan diri, mudah dipergunakan dan gagal membina jati diri akibat terikut-ikut dengan pengaruh sekeliling sehingga sanggup melakukan perbuatan yang tidak beretika seperti berbincang bersama kawan ketika peperiksaan, ponteng kelas PdP dan lain-lain.



Rajah 15

Rajah 15 di atas adalah kajian tentang salah satu faktor yang menyebabkan masalah etika iaitu gemar menangguh membuat kerja-kerja yang diberikan. Dalam rajah, terdapat 26 orang responden (26%) yang memilih “sangat setuju” dan 52 orang responden (52%) yang memilih “setuju”. Selain itu, terdapat 11 orang responden (11%) memilih “kurang pasti”, 8 orang responden (8%) memilih “tidak setuju” dan hanya 3 orang responden (3%) yang memilih “sangat tidak setuju”. Hasil kajian ini telah menunjukkan sehingga 78 peratus responden yang bersetuju dengan faktor ini. Jadi faktor ini telah dijadikan sebagai faktor yang tidak boleh diabaikan dalam masalah etika ketika pembelajaran atas talian. Hal ini kerana perubahan kaedah pembelajaran yang secara tiba-tiba telah menyebabkan ketidakselesaan pelajar. Ini mungkin menjelaskan kemajuan pelajar dalam menyiapkan kerja atau tugas. Pelajar tidak biasa menyelesaikan kerja-kerja yang


diberikan dengan menggunakan komputer. Ini akan menyusahkan pelajar dalam menyiapkan kerja. Oleh itu, pelajar akan kurang bermotivasi untuk melakukan kerja dan mula menangguh untuk membuat kerja. Bukan itu sahaja, dalam tugas berkumpulan, pelajar-pelajar tidak sempat untuk menjalankan perbincangan dengan bersemuka. Oleh itu, pelajar memang susah untuk mengasingkan tugas atau lebih sukar untuk menyatakan dan memahami idea antara satu sama lain. Pada akhirnya, kerja-kerja yang diberikan akan ditangguh dan akan menyebabkan tugas tidak dapat dihantar tepat pada waktunya.



Rajah 16

Rajah 16 di atas menunjukkan kajian terhadap faktor masalah etika yang tentang persekitaran yang tidak kondusif seperti masalah capaian internet. Seramai 32 orang responden (32%) memilih “sangat setuju” dan 50 orang responden (50%) yang memilih “setuju”. Responden yang bersetuju dengan faktor ini telah berjumlah sehingga 82% tetapi selebihnya 11 orang responden (11%) memilih “kurang pasti”, 4 orang responden (4%) memilih “tidak setuju” dan hanya 3 orang responden (3%) yang memilih “sangat tidak setuju”. Hasil dari kajian ini hanya sebilangan kecil orang responden telah mencapai persekitaran yang sempurna untuk pembelajaran atas talian. Oleh itu, faktor persekitaran yang tidak kondusif boleh dianggap sebagai faktor yang penting dalam masalah etika ini. Akibat wabak Covid-19, kaedah pembelajaran atas talian telah

menggantikan pembelajaran secara berdepan di dalam bilik. Oleh yang demikian, pencapaian Internet telah pun menjadi sebagai elemen yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun begitu, keterbatasan dan kekangan pasti wujud khususnya kepada pelajar yang tidak mempunyai capaian internet atau mempunyai kadar capaian internet yang lemah terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar atau daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Ini akan menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian kerana berdepan dengan capaian Internet yang tidak memuaskan.




Rajah 17

Mengikut pemerhatian di dalam rajah 17, seramai 45 orang responden bersetuju (45%) bahawa salah satu faktor yang membawa kepada masalah etika pelajar adalah pendidik tidak berpeluang untuk memantau sepenuhnya tingkah laku pelajar semasa sesi pembelajaran. Sebanyak 24 peratus juga orang yang memberi maklum balas “sangat setuju”. Apabila pihak institusi mengadakan e-pembelajaran, punca utama yang menyebabkan kesukaran pemantauan pelajar adalah kerana mereka tidak hadir secara fizikal. Setiap program yang ditawarkan di sebuah universiti akan mempunyai seorang pensyarah mengikut seksyen yang ditetapkan. Para pengajar juga perlu

ditugaskan menjaga lebih daripada tiga puluh orang pelajar. Amat sukar bagi seorang individu memerhatikan tingkah laku sekumpulan manusia terutamanya ketika berada di alam maya. Maka, tanggungjawab yang hendak dipikul oleh pendidik adalah besar.

Manakala, terdapat 19 responden yang berasa kurang pasti (19%) kerana mereka tidak pernah merasai suasana pembelajaran secara atas talian. Masih ada beberapa pusat pengajian yang masih mengamalkan pembelajaran secara fizikal kerana kursus berkaitan memerlukan latihan praktikal yang tidak dapat dielakkan. Hanya sebilangan kecil iaitu 10 peratus responden yang tidak setuju dan 2 peratus lagi yang tidak setuju kerana beranggapan dengan kemudahan aplikasi seperti “*Google Meet*” dan “*Webex*”, setiap orang dapat melihat secara langsung wajah serta perlakuan yang sedang dilakukan oleh para peserta.




Rajah 18

